



**KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA**

**CAHAYA DEEPAVALI SINARI SEMANGAT KELUARGA MALAYSIA**

---

3 November 2021, Putrajaya – Selamat Hari Deepavali kepada semua rakyat Malaysia yang menyambut pesta cahaya ini, khususnya kepada mereka yang beragama Hindu.

2. Hari Deepavali yang cukup sinonim dengan pelita dan cahaya disambut oleh penganut beragama Hindu untuk meraikan kemenangan dan kebaikan.

3. Biar pun ia disambut oleh penganut beragama Hindu, kemeriahan dan kegembiraan perayaan ini turut dirasai dan diraikan oleh kaum-kaum lain di negara kita.

4. Baik dari menikmati murukku yang rangup mahupun manisan 'laddoo' yang manis dan lazat, ataupun menghargai seni 'rangoli' yang cantik dan berwarna warni, pendedahan dan penerimaan elemen-elemen ini oleh lapisan masyarakat pelbagai bangsa menghidupkan semangat perpaduan Keluarga Malaysia.

5. Walaupun dari pelbagai latar belakang dan perjalanan masing-masing, warna-warni kepelbagaian bangsa dan masyarakat Malaysia melakarkan Malaysia yang kaya dengan budayanya yang tersendiri.

6. Nikmati warna-warni perayaan secara selamat dan ikuti SOP yang telah ditetapkan supaya keselamatan dan kesihatan semua terus terjaga.

Semoga Deepavali kali ini membawa harapan dan kekuatan kepada kita semua dalam menghapuskan wabak ini dan menyemarakkan lagi semangat muhibbah antara rakyat Malaysia agar kita kekal bersatu padu demi Keluarga Malaysia yang disayangi.

Ucapan setulus ikhlas buat semua rakyat Malaysia yang menyambut Hari Deepavali. Ungal Anaivarukkum En Iniya Deepavali Nalvazhthukkal!

## **Kementerian Perpaduan Negara**

3 November 2021

-TAMAT-

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041      Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (100)